

**AKTA KEUPAYAAN MENTAL:
PANDUAN
PEMBERI
JAGAAN**

BAHAGIAN A	APA ITU AKTA KEUPAYAAN MENTAL DAN APAKAH YANG PERLU SAYA TAHU?	04
	A1. Apa itu keupayaan mental?	04
	A2. Apa itu Akta Keupayaan Mental dan kenapa ia penting?	05
BAHAGIAN B	APAKAH TUGAS YANG DILAKUKAN OLEH PEJABAT PENJAGA AWAM?	07
	B1. Penjaga Awam	07
	B2. Fungsi Penjaga Awam	07
	B3. Pejabat Penjaga Awam	08
	B4. Peranan Lembaga Peninjau	08
BAHAGIAN C	LIMA PRINSIP BERKANUN DI BAWAH AKTA KEUPAYAAN MENTAL	09
	C1. Pengenalan	09
	C2. Prinsip berkanun Akta ini	09
	C3. Bagaimanakah lima prinsip berkanun diguna pakai?	10
BAHAGIAN D	BAGAIMANA CARANYA AKTA KEUPAYAAN MENTAL MELINDUNGI ORANG-ORANG YANG KURANG KEUPAYAAN?	18
	D1. Apa yang akan terjadi jika seseorang mengesyaki adanya penderaan?	18
	D2. Perlindungan ke atas pemaklum sulit	19

BAHAGIAN E	APA YANG PERLU SAYA TAHU TENTANG PENILAIAN KEUPAYAAN MENTAL?	20
E1.	Apa makna “kurang keupayaan mental”?	20
E2.	Siapa yang menentukan sama ada seseorang itu kurang keupayaan ataupun tidak?	21
E3.	Bilakah keupayaan mental seseorang itu mungkin berubah?	22
BAHAGIAN F	DAFTAR SEMAK UNTUK PEMBERI JAGAAN	24
F1.	Daftar semak	24
F2.	Pelan penjagaan	28
BAHAGIAN G	DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT?	29
	GLOSARI	31

Buku ini memberi panduan bagi para pemberi jagaan. Ia memberi gambaran menyeluruh tentang langkah-langkah yang perlu anda ambil untuk membantu orang yang anda jaga membuat keputusannya sendiri.

Sebagai pemberi jagaan, anda bertanggungjawab untuk bertindak dan membuat keputusan bagi pihak orang yang kurang keupayaan itu demi kepentingan dirinya.

Senario dan contoh-contoh dalam panduan ini adalah untuk ilustrasi saja. Watak-watak dan situasi yang dipaparkan adalah rekaan semata-mata. Tetapi, dalam kes-kes tertentu, nasihat profesional tidak boleh diketepikan dan situasi yang diberikan disini tidak boleh sama sekali dijadikan contoh bagi mendapat keputusan yang serupa. Contoh ini juga tidak boleh digunakan oleh pihak mahkamah untuk membuat keputusan, kerana ianya bergantung pada keadaan kes masing-masing yang dihadapkan ke mahkamah.

SEBELUM KITA MULAKAN

BAHAGIAN A


APA ITU AKTA KEUPAYAAN MENTAL DAN APAKAH YANG PERLU SAYA TAHU?

A1. APA ITU KEUPAYAAN MENTAL?

Keupayaan mental adalah kemampuan seseorang untuk membuat sesuatu keputusan tertentu pada sesuatu waktu tertentu.

Keupayaan mental dinilai berdasarkan keadaan kes masing-masing dan andaian tidak boleh dibuat berdasarkan penyakit yang seseorang itu hidapi. Tambahan pula, kurang keupayaan mental seseorang itu tidak boleh berdasarkan hanya pada:

- umur;
- keadaan zahir seseorang – ini termasuk sifat-sifat fizikal bagi beberapa keadaan (contohnya, sifat-sifat yang berkaitan dengan Down Syndrome atau kekejangan otot yang disebabkan oleh cerebral palsy) serta aspek penampilan seperti pemakaian atau tahap kebersihan;
- keadaan – ini termasuk kecacatan fizikal, kecacatan intelek, penyakit yang berkait dengan umur atau keadaan sementara seperti mabuk; atau
- aspek tingkah laku – ini termasuk tingkah laku yang dilihat luar biasa oleh orang lain, contohnya, menggoyang-goyangkan badan ke hadapan dan belakang, bercakap sendiri atau ketawa tanpa sebab. Ia juga termasuk sikap ekstrovert, contohnya, memekik-mekik dan menghayun-hayunkan tangan ataupun tingkah laku menyepikan diri dengan tidak mahu bercakap atau mengelak dari bertentang mata.



A2. APA ITU AKTA KEUPAYAAN MENTAL DAN KENAPA IA PENTING?

Akta Keupayaan Mental (Akta) membolehkan seseorang merancang lebih awal dan memberi mereka kuasa untuk membuat pilihan bagi masa depan mereka sebelum mereka hilang keupayaan mental. Ia juga menghuraikan tentang betapa perlunya mereka yang berusia 21 tahun ke atas membuat keputusan apabila mereka kurang keupayaan mental untuk membuat keputusan bagi diri mereka sendiri.

Akta ini juga:

- membolehkan seseorang itu membuat Surat Kuasa Berkekalan (Lasting Power of Attorney, LPA) untuk melantik seorang atau lebih penerima kuasa (donee) agar membuat keputusan dan bertindak bagi pihak mereka sekiranya dan apabila keupayaan mental mereka berkurangan di masa hadapan;
- membolehkan mahkamah melantik seorang timbalan (deputy) untuk membuat keputusan dan bertindak bagi pihak seseorang yang kurang keupayaan mental jikalau keputusan perlu dibuat tetapi tidak terdapat timbalan untuk membuat keputusan itu;
- membenarkan ibu bapa yang mempunyai anak yang cacat intelek untuk memohon kepada mahkamah supaya mereka dilantik sebagai timbalan anak mereka serta melantik seorang lagi sebagai pengganti timbalan sekiranya ibu bapa tadi meninggal dunia atau hilang keupayaan mental mereka sendiri;
- memberi perlindungan secara undang-undang kepada sesiapa yang menjaga dan merawat seseorang yang kurang keupayaan mental, mengikut syarat-syarat tertentu yang dikenakan, termasuk syarat yang mengkehendaki tindakan itu dilakukan demi kepentingan orang tersebut;
- memberi perlindungan kepada mereka yang kurang keupayaan mental;

- f. mempunyai lima prinsip berkanun yang mesti dipatuhi oleh sesiapa yang membuat keputusan atau mengambil tindakan untuk seseorang yang kurang keupayaan; dan
- g. melantik pegawai baru yang dipanggil Penjaga Awam. Fungsi Penjaga Awam termasuk mengekalkan daftar Surat Kuasa Berkekalan (LPA) dan daftar perintah-perintah mahkamah yang melantik para timbalan, menyelia para timbalan dan juga berurusan dengan tuduhan-tuduhan penderaan oleh para penerima kuasa dan para timbalan.

BAHAGIAN B

APAKAH TUGAS YANG DILAKUKAN OLEH PEJABAT PENJAGA AWAM?

B1. PENJAGA AWAM

Penjaga Awam bertugas untuk memelihara maruah dan kepentingan para individu yang kurang keupayaan mental dan rentan. Beliau adalah ketua di Pejabat Penjaga Awam (Office of the Public Guardian).

B2. FUNGSI PENJAGA AWAM

Penjaga Awam menjalankan pelbagai fungsi untuk membolehkan dan melindungi mereka yang kurang keupayaan.

Fungsi-fungsi ini termasuk:

- a. mengadakan daftar untuk Surat Kuasa Berkekalan (Lasting Power of Attorney, LPA) dan daftar perintah mahkamah yang melantik para timbalan;
- b. menyelia para timbalan;
- c. menerima laporan daripada para penerima kuasa dan timbalan; dan
- d. menyiasat sebarang dakwaan tentang pelanggaran ke atas mana-mana peruntukan dalam Akta Keupayaan Mental, termasuk aduan-aduan tentang cara penerima kuasa dan timbalan melaksanakan kuasa mereka.

B3. PEJABAT PENJAGA AWAM

- Penjaga Awam bernaung di bawah Pejabat Penjaga Awam dalam menjalankan fungsi-fungsi mereka.
- Pejabat Penjaga Awam adalah bahagian dalam Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga.

B4. PERANAN LEMBAGA PENINJAU

Peranan Lembaga Peninjau adalah untuk:

- mengunjungi orang-orang yang kurang keupayaan, para penerima kuasa atau timbalan; seperti yang diarahkan oleh Penjaga Awam atau mahkamah, dan
- memantau keadaan diri mereka yang kurang keupayaan.

Terdapat dua jenis peninjau:

- a. Peninjau Khas – adalah pengamal perubatan berdaftar atau orang-orang yang mempunyai kepakaran relevan tentang kecacatan pada atau gangguan ke atas fungsi pemikiran atau otak, dan
- b. Peninjau Am – tidak semestinya berkelayakan dalam bidang perubatan.



BAHAGIAN C

LIMA PRINSIP BERKANUN DI BAWAH AKTA KEUPAYAAN MENTAL

C1. PENGENALAN

Dalam menjaga seseorang yang kurang keupayaan, ada lima prinsip berkanun dan Kod Amalan yang anda mesti ambil kira.

Akta Keupayaan Mental (Akta) menawarkan perlindungan undang-undang terhadap anda, jika:

- sebelum mengambil tindakan, anda harus mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan sama ada orang tersebut kurang keupayaan dalam perkara yang menjadi persoalan, dan
- anda secara munasabah percaya bahawa orang itu kurang keupayaan dan tindakan yang akan diambil adalah untuk kepentingannya sendiri.

C2. PRINSIP BERKANUN AKTA INI

Akta ini berhasrat untuk mengimbangi hak seseorang untuk membuat keputusannya sendiri dan keperluan untuk melindunginya ketika beliau kurang upaya secara mental untuk membuat keputusan tersebut.

Ia menetapkan lima prinsip berkanun untuk membantu individu mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan sebaik yang mungkin, dan melindunginya ketika beliau kurang upaya untuk berbuat demikian. Idea utamanya adalah untuk membantu dan membimbing orang untuk membuat keputusan tertentu, bukan mengehadkan dan mengawal mereka.

Sesiapa yang membuat sebarang keputusan atau mengambil sebarang tindakan bagi pihak seseorang yang kelihatan seperti beliau kurang upaya mesti mengamalkan lima prinsip ini.

- Prinsip 1:** Seseorang itu perlu dianggap mempunyai keupayaan kecuali terdapat bukti yang menunjukkan beliau kurang keupayaan.
- Prinsip 2:** Seseorang itu tidak boleh dianggap sebagai tidak boleh membuat keputusan kecuali semua ikhtiar telah dibuat untuk membantunya membuat keputusan tetapi gagal.
- Prinsip 3:** Seseorang itu tidak boleh dianggap sebagai tidak dapat membuat keputusan hanya kerana ia membuat keputusan yang tidak bijak.
- Prinsip 4:** Tindakan yang diambil atau keputusan yang dibuat di bawah Akta ini untuk atau bagi pihak orang yang kurang keupayaan itu perlu dibuat atau dilakukan demi kepentingannya.
- Prinsip 5:** Sebelum sesuatu tindakan diambil atau keputusan dibuat, perhatian mesti diberikan sama ada tujuan tersebut dapat dicapai dengan berkesan tetapi tidak begitu menyekat hak dan kebebasan seseorang itu untuk bertindak.

C3. BAGAIMANAKAH LIMA PRINSIP BERKANUN DIGUNA PAKAI?

Prinsip-prinsip berkanun membantu seseorang individu untuk terlibat sejauh mungkin dalam proses membuat keputusan dan melindunginya apabila dia kurang upaya untuk melakukannya.

Ketika membuat keputusan atau bertindak bagi pihak orang yang kurang keupayaan mental, prinsip-prinsip ini hendaklah dibaca berserta dengan peruntukan-peruntukan dalam Akta Keupayaan Mental tersebut untuk memastikan agar tindakan atau keputusan yang wajar dapat diambil dalam setiap kes.

Prinsip 1: Anggapan mengenai keupayaan

Seseorang itu mesti dianggap berkeupayaan untuk membuat sesuatu keputusan bagi dirinya sendiri kecuali ada bukti bahawa beliau kurang keupayaan untuk membuat keputusan tersebut sewaktu ianya perlu dibuat.

Menilai tentang kurang keupayaan seseorang itu tidak boleh dibuat berdasarkan rupa, usia, keadaan atau tingkah laku orang itu semata-mata. Oleh itu, biarkanlah mereka membuat keputusan mereka sendiri setakat mana yang mereka boleh.

CERITA SHANTI

Shanti Sandu ialah seorang janda berusia 66 tahun yang tinggal sendirian di sebuah apartmen tanpa lif. Anak-anak beliau terkorban dalam kemalangan lalu lintas kira-kira enam bulan lalu.

Dahulu, Shanti pernah bercampur dengan masyarakat melalui kegiatan-kegiatan setempat dan menjadi sukarelawan dalam kegiatan-kegiatan Jawatankuasa Penduduk. Sejak kemalangan itu, Shanti terus memencilkan diri.

Jawatankuasa blok Shanti akan menganjurkan ceramah kesihatan dan kegiatan pemeriksaan kesihatan secara percuma. Pihak jawatankuasa sedang menimbang untuk tidak melibatkan Shanti kerana mereka rasa beliau tidak berkeupayaan untuk memberi sumbangan dalam kegiatan-kegiatan yang dianjurkan itu.

Pihak jawatankuasa penganjur tidak harus membuat andaian bahawa Shanti kurang keupayaan mental hanya kerana dia tinggal bersendirian dan tidak bercakap dengan sesiapa. Seseorang itu dianggap berkeupayaan kecuali jika ia terbukti sebaliknya. Jawatankuasa penganjur harus menimbang untuk menjemput Shanti. Terpujanglah padanya jika dia mahu terlibat sama atau tidak.

Prinsip 2: Memberi segala bantuan seberapa yang boleh

Pemberi jagaan, ahli keluarga, penerima kuasa, timbalan dan golongan profesional yang menjaga atau merawat seseorang yang mungkin mempunyai kesukaran dalam membuat sesuatu keputusan perlu mengambil semua langkah yang boleh untuk membantunya membuat keputusannya sendiri.

Apabila membantunya membuat keputusan, mereka tidak boleh mendesak atau memberi tekanan pada orang yang dibantu itu. Jenis sokongan yang patut diterimanya bergantung pada jenis keputusan yang perlu dibuat dan juga keadaannya.

Individu tersebut tidak harus membuat keputusan bagi pihak seseorang itu hanya kerana orang itu mempunyai kesukaran berkomunikasi. Sebaliknya, individu itu harus memberi sokongan, contohnya dengan menyediakan maklumat dalam bentuk yang mudah difahami seperti menggunakan gambar-gambar dan huruf-huruf besar dan berkomunikasi dengan cara yang berbeza seperti bahasa isyarat, Braille dan sebagainya.

CERITA TIM

Beberapa pegawai polis terjumpa seorang lelaki pertengahan umur, Tim, yang tinggal di bawah jejambat Lebuhraya Rentas Pulau (PIE). Keadaannya sangat kotor dan terdapat luka besar di kakinya, seperti sudah terkena jangkitan. Mereka membawanya ke hospital.

Kakitangan hospital bertanya butir-butir peribadi dan saudara-maranya yang mereka boleh hubungi. Pertanyaan ini diajukan dengan menggunakan pelbagai bahasa, untuk membantunya berkomunikasi. Tim terus membisu dan enggan bekerjasama dengan doktor yang mahu memeriksa kecederaannya.

Doktor memberitahu jika lukanya tidak dirawat, dia mungkin akan kehilangan kakinya sambil membuat pergerakan memotong pada kakinya agar dia faham tentang keadaan dirinya. Selepas itu, Tim mula memberi perhatian dan mula tunjuk ke arah mulut dan kedua telinganya sambil menggelengkan kepalanya.

Seorang jururawat menyedari lelaki itu mungkin tuli serta bisu. Jadi dia memberikan kertas dan pen dan memanggil seseorang yang tahu bahasa isyarat. Tim bertenang dan mulai berkomunikasi dengan kakitangan hospital secara bertulis.

Tim mungkin tidak dapat berkomunikasi secara lisan, tetapi itu tidak bermakna beliau tidak dapat membuat keputusan tentang rawatan ke atasnya. Pasukan perubatan tersebut tidak harus membuat kesimpulan bahawa beliau tidak berkeupayaan untuk membuat keputusan berkenaan rawatan sebelum memberikan segala bantuan yang boleh untuk dia membuat dan menyampaikan keputusannya.

Dalam keadaan kecemasan, contohnya, terdapat kecederaan serius akibat kemalangan, adalah tidak sesuai untuk mengambil terlalu banyak langkah bagi membantu seseorang itu untuk membuat keputusannya sendiri. Apa yang boleh dilakukan adalah untuk memaklumkan kepadanya tentang apa yang sedang berlaku dan mengapa prosedur-prosedur ini dilakukan.

Prinsip 3: Keputusan kurang bijak

Seseorang itu bebas untuk membuat keputusannya sendiri walaupun ia adalah suatu keputusan yang kurang bijak pada pandangan orang lain. Ini memberi seseorang itu hak untuk membuat pilihannya sendiri. Hanya kerana sesuatu keputusan itu kurang bijak tidak bermakna orang tersebut telah hilang keupayaan mental.

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan antara seseorang yang membuat keputusan kurang bijak (yang mungkin dilakukan ketika dia membuat keputusan itu) dengan membuat keputusan apabila dia kurang keupayaan untuk memahami, mengingat atau menggunakan maklumat yang perlu agar membuat keputusan tersebut.

Jika seseorang membuat beberapa keputusan yang pelik berbanding dengan tingkah lakunya yang biasa atau membuat keputusan-keputusan yang menjadikan dia mudah untuk diperalatkan atau yang mendatangkan mudarat, maka pemeriksaan lanjut ke atas keupayaannya harus dijalankan.

CERITA AH HUAT

Ah Huat berusia 73 tahun. Beliau seorang duda kematian isteri dan tinggal sendirian. Minggu lalu, seorang pemasang tingkap bernama Paul datang ke rumah Ah Huat. Paul meyakinkan Ah Huat supaya menukar tingkap di bilik airnya yang sudah berkarat. Esoknya, Paul kembali dan meminta Ah Huat agar menukar tingkap-tingkap di bilik tidurnya. Paul mengenakan bayaran \$500.

Ah Seng, anak lelaki Ah Huat, bimbangkan ayahnya. Biasanya Ah Huat selalu berhati-hati tentang wang kerana dia sudah bersara.

Paul kembali untuk kali ketiga dan Ah Huat bersetuju untuk menukar baki tingkap di flatnya pada harga \$1500. Ah Seng, yang telah terlebih dahulu memeriksa tingkap-tingkap tersebut, mendapati semua tingkap masih dalam keadaan baik dan tidak perlu ditukar. Dia yakin Paul telah mengambil kesempatan keatas bapanya dan terfikir sama ada Ah Huat berupaya berfikir untuk membuat keputusan.

Ah Huat menjelaskan bahawa dia ingin kesemua tingkap digantikan serentak kerana dia menerima tawaran yang lebih baik. Dia percaya dalam tempoh setahun dua lagi kesemua tingkap perlu ditukar.

Ah Seng tidak boleh beranggapan hanya kerana bapanya, Ah Huat berusia 73 tahun dan ingin menukar semua tingkap di flatnya, dia kurang keupayaan mental. Jika bentuk tingkah laku Ah Huat yang lazim bertukar terus-terusan dan menimbulkan kebimbangan, barulah Ah Seng perlu menimbangkan agar keupayaan mentalnya diperiksa oleh doktor.

Prinsip 4: Kepentingan yang terbaik

Setiap tindakan atau keputusan yang dibuat bagi pihak orang yang kurang keupayaan itu mestilah dilakukan demi kepentingannya. Sama ada keputusan yang dibuat itu adalah yang terbaik untuk seseorang itu, semuanya bergantung pada keadaan kes tersebut.

Daftar semak kepentingan yang terbaik

Butiran daftar semak	Tahap penggunaan
1. Sama ada orang tersebut berkemungkinan mendapat kembali keupayaannya di masa hadapan untuk dia membuat keputusan dan bila ianya mungkin berlaku.	Mesti dipertimbangkan.
2. Permintaan dan perasaan masa lalu dan masa kini orang itu terutama jika perkara-perkara ini dicatitkan ketika dia berupaya.	Dipertimbangkan selagi munasabah untuk ditentukan.
3. Kepercayaan dan nilai-nilai yang mungkin menjejaskan keputusan orang tersebut jika dia berkeupayaan, contohnya, latar belakang budaya, kepercayaan agama dan tingkah laku masa lalu ataupun kelaziman.	Dipertimbangkan selagi munasabah untuk ditentukan.
4. Seseorang itu mungkin boleh mempertimbangkan faktor-faktor lain, jika ia mempunyai keupayaan untuk berbuat demikian.	Dipertimbangkan selagi munasabah untuk ditentukan.
5. Pendapat sesiapa saja yang dinamakan oleh orang tersebut sebagai orang yang boleh dirujuk bagi perkara tersebut atau perkara-perkara yang sepeertinya.	Berunding, jika ianya wajar dan sesuai.
6. Pendapat sesiapa juga yang terlibat dalam penjagaan atau berminat dalam kebajikan orang tersebut.	Berunding, jika ianya wajar dan sesuai.
7. Pendapat penerima kuasa bagi sebarang Surat Kuasa Berkekalan (LPA) yang diberikan oleh orang tersebut.	Berunding, jika ianya wajar dan sesuai.
8. Pendapat timbalan yang dilantik oleh mahkamah.	Berunding, jika ianya wajar dan sesuai.

CERITA RON


Kevin Khoo dan isterinya, Sally Lee, mempunyai tiga orang anak. Ron, anak sulung mereka yang berusia 23 tahun, mengalami kecacatan intelek dan bekerja di sebuah bengkel tertutup yang dikendalikan oleh sebuah badan kebajikan.

Badan kebajikan berkenaan juga mempunyai program yang menawarkan tempat tinggal sementara untuk orang seperti Ron belajar kemahiran hidup asas untuk kehidupan yang lebih berdikari. Dengan sedikit sokongan, mereka juga diajar bagaimana untuk menggunakan pengangkutan awam. Kemahiran-kemahiran hidup sebegini membantu mereka menjadi lebih sesuai untuk pekerjaan secara terbuka.

Terdapat tempat kosong di dalam program tumpangan tersebut dan para pekerja sosial daripada badan kebajikan itu menyarankan agar Ron menerima tawaran itu.

Kevin dan Sally Lee sedar yang Ron ingin menjadi lebih berdikari. Tetapi, mereka bimbang sekiranya Ron menerima tawaran itu, mereka tidak dapat menjaganya dan kurang masa untuk dihabiskan bersama.

Sekiranya Ron ada keupayaan mental untuk membuat keputusan tentang program tumpangan itu, maka Kevin dan Sally Lee tidak perlu membuat keputusan untuk Ron. Jika Ron kurang keupayaan untuk membuat keputusan tersebut, Kevin dan Sally Lee harus ingat yang mereka perlu membuat keputusan demi kepentingan Ron dan bukan demi kepentingan diri mereka sendiri.



Prinsip 5: Kurang sekatan

Apabila bertindak atau membuat keputusan bagi pihak orang yang kurang keupayaan, tindakan atau keputusan yang diambil haruslah sesuatu yang kurang membataskan hak dan kebebasan orang itu untuk bertindak.

Pilihan untuk kurang bersikap menyekat ini sering merupakan pilihan yang terbaik demi kepentingan orang tersebut.

Kadangkala, ia termasuk pilihan untuk tidak melakukan apa-apa tindakan atau keputusan. Segala tindakan yang diambil atau keputusan yang dibuat, atau keputusan untuk tidak mengambil apa-apa tindakan, hendaklah dilakukan demi kepentingan orang tersebut.

CERITA AH MEI

Ah Mei tinggal bersama ibunya, Puan Kwong Siew Moi, 80 tahun, yang menghidap dementia (satu penyakit yang menjejaskan daya ingatan, pemikiran, tingkah laku dan emosi secara bertahap-tahap).

Apabila Ah Mei keluar bekerja, beliau mengunci ibunya di dalam bilik untuk mengelak ibunya dari tercedera atau berjalan-jalan tanpa tujuan. Beliau menyiapkan makan minum untuk ibunya dan diletakkan di dalam bilik. Puan Kwong memakai lampin untuk orang dewasa.

Setiap petang, apabila Ah Mei pulang ke rumah, beliau akan memandikan dan memberikan ibunya makan. Walaupun Ah Mei bertindak sebagai anak yang patuh dan prihatin akan keselamatan ibunya, namun cara penjagaan sebegini tidak mengikut prinsip pilihan kurang sekatan.

Beliau harus mengaturkan bentuk penjagaan lain yang lebih sesuai, umpamanya, menempatkan Puan Kwong di pusat dementia jagaan siang.

Jika terdapat lebih dari satu pilihan, maka semua pilihan-pilihan itu mesti dipertimbangkan dan keputusan yang diambil haruslah ditentukan berdasarkan kedua-dua prinsip iaitu prinsip demi kepentingan diri dan prinsip pilihan kurang sekatan.

BAHAGIAN D

BAGAIMANA CARANYA AKTA KEUPAYAAN MENTAL MELINDUNGI ORANG-ORANG YANG KURANG KEUPAYAAN?

Orang-orang yang kurang keupayaan mental adalah kumpulan orang yang rentan dalam masyarakat. Mereka mungkin tidak sedar bahawa mereka telah dianiaya. Akta Keupayaan Mental telah mencipta satu kesalahan jenayah penganiayaan yang merangkumi penderaan fizikal, seks dan emosi.

DI. APA YANG AKAN TERJADI JIKA SESEORANG MENGESYAKI ADANYA PENDERAAN?

Siapa harus dihubungi?

Barang siapa yang mengetahui, mengesyaki atau percaya bahawa seseorang yang kurang keupayaan mental telah tidak dijaga dengan baik, memerlukan penjagaan dan perlindungan, boleh melaporkan perkara tersebut kepada Penjaga Awam dan badan-badan berkenaan.

Jika terdapat sebab yang kukuh untuk mengesyaki bahawa terdapat sesuatu jenayah telah dilakukan keatas orang itu, maka laporan hendaklah dibuat kepada polis.

Jenis-jenis penderaan	Siapa yang perlu dihubungi
Fizikal	<ul style="list-style-type: none"> • Polis • Pusat Perkhidmatan Keluarga • Pejabat Penjaga Awam
Seksual	<ul style="list-style-type: none"> • Polis • Pejabat Penjaga Awam
Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Polis • Pusat Perkhidmatan Keluarga • Tribunal Untuk Saraan Ibu Bapa (gagal menanggung kewangan ibu bapa) • Pejabat Penjaga Awam (yang melibatkan penerima kuasa atau timbalan)
Secara Psikologi	<ul style="list-style-type: none"> • Polis • Pusat Perkhidmatan Keluarga • Pejabat Penjaga Awam
Pengabaian dan perbuatan meninggalkan dengan sengaja	<ul style="list-style-type: none"> • Polis • Pusat Perkhidmatan Keluarga • Pejabat Penjaga Awam

D2. PERLINDUNGAN KE ATAS PEMAKLUM SULIT

Para pekerja jagaan kesihatan yang memberitahu Pejabat Penjaga Awam tentang pengesyakkan mereka bahawa seseorang kurang keupayaan perlukan jagaan atau perlindungan tidak akan melanggar kod etika profesional atau tahap kod profesional mereka.

Akta ini memberikan perlindungan pemaklum sulit kepada individu yang melaporkan kepada Penjaga Awam penganiayaan yang disyaki terhadap orang yang kurang upaya. Identiti pemaklum sulit tidak boleh didedahkan dalam prosiding mahkamah. Sesiapa pun tidak boleh dipaksa untuk mendedahkan identiti para pemaklum sulit dalam prosiding mahkamah.

Bagi kakitangan jagaan kesihatan yang membuat laporan pada Penjaga Awam kerana bertindak atas niat murni, Akta ini memberikan perlindungan dan mereka tidak akan dibebankan dengan sebarang tanggungan sivil (civil liability) kerana membuat laporan tersebut.

BAHAGIAN E

APA YANG PERLU SAYA TAHU TENTANG PENILAIAN KEUPAYAAN MENTAL?

E1. APA MAKNA "KURANG KEUPAYAAN MENTAL"?

Kurang keupayaan mental merujuk kepada ketidakmampuan dalam membuat keputusan berkenaan sesuatu perkara yang ada kerana kerosakkan atau gangguan fungsi minda atau otak.

Seseorang itu tidak boleh membuat keputusan pada masa yang diperlukan jika ia tidak boleh melakukan satu atau lebih daripada perkara-perkara seperti berikut:

- memahami maklumat,
- mengingat maklumat,
- menimbang maklumat, dan
- menyampaikan keputusan.

Definisi "kurang keupayaan mental" mempunyai dua peringkat ujian keupayaan mental.

Langkah 1

Adakah seseorang itu mengalami kerosakkan atau gangguan fungsi minda atau otak?

Langkah 2

Jika ya, adakah kerosakkan atau gangguan tersebut menyebabkan seseorang itu tidak boleh membuat keputusan yang diperlukannya?

E2. SIAPA YANG MENENTUKAN SAMADA SESEORANG ITU KURANG KEUPAYAAN ATAU PUN TIDAK?

Keputusan yang berlainan mungkin melibatkan individu yang berbeza dalam menilai keupayaan seseorang itu. Penilai biasanya seorang individu yang terlibat langsung dengan orang yang perlu membuat keputusan di waktu itu.

Penilaian tidak formal

Penilaian ini sesuai untuk keputusan yang perlu dibuat dari hari ke hari, contohnya sama ada seseorang itu boleh keluar sendirian. Penilai biasanya penjaga kepada orang tersebut. Penilai harus menggunakan prinsip berkanun dan memberi semua bentuk pertolongan yang sepatutnya kepada orang tersebut untuk dia membuat keputusannya sendiri. Jika ia kurang keupayaan dalam membuat keputusan, penjaganya boleh membuat keputusan untuknya. Bagi individu yang tidak dapat latihan khusus untuk melakukan penilaian keupayaan mental, boleh melakukan penilaian tidak formal.

Penilaian formal

Seorang pengamal perubatan berdaftar atau doktor pakar boleh membuat penilaian. Untuk mengelakkan daripada konflik kepentingan, penilai tidak boleh ada pertalian dengan orang yang hendak dinilainya atau individu yang cuba mendapatkan penilaian formal bagi orang berkenaan.

Penerima kuasa bagi Surat Kuasa Berkekalan (Lasting Power of Attorney, LPA) atau profesional, seperti peguam, boleh mendapatkan penilaian formal jika mereka merasa sangsi tentang keupayaan orang tersebut dan keputusan yang hendak dibuat adalah keputusan yang penting, contohnya seperti keputusan-keputusan berikut:

- pindah rumah,
- menjual aset, atau
- memindah milik aset kepada individu atau organisasi lain.

Seorang individu atau organisasi seperti bank yang berurusan dengan penerima kuasa bagi Surat Kuasa Berkekalan (LPA) dengan harta pemberi kuasa, mungkin memerlukan penerima kuasa untuk menyerahkan laporan daripada doktor berdaftar yang menyatakan bahawa pemberi kuasa kurang keupayaan untuk berurusan dengan perkara tersebut buat selamanya. Untuk mendapatkan laporan tersebut, Penerima kuasa perlu terlebih dahulu mendapatkan penilaian yang formal untuk pemberi kuasa.

E3. BILAKAH KEUPAYAAN MENTAL SESEORANG ITU MUNGKIN BERUBAH?

Keupayaan mental seseorang itu berubah dari semasa ke semasa (contohnya, keadaannya berubah daripada baik menjadi buruk dan daripada buruk menjadi baik - ianya berubah-ubah).

Seseorang itu perlu disokong untuk membuat keputusan di waktu ia mempunyai keupayaan mental (yakni bila keadaannya masih baik).

Orang-orang yang mempunyai keupayaan mental, walaupun dalam masa yang singkat, boleh membuat keputusan sewaktu mereka mempunyai keupayaan.

Jenis	Contoh
Perubahan Ketidakupayaan	Seseorang yang mengalami: <ul style="list-style-type: none"> • dementia di tahap awal • kemurungan • skizofrenia

CERITA DANIELLE

Danielle, yang berusia 72 tahun mengalami penyakit Alzheimer. Keupayaan mentalnya berubah-ubah. Apabila dia mempunyai keupayaan mental, dia memahami tentang hal-hal kewangannya. Ada masa-masanya, dia menjadi pelupa, dia membeli barang dan membayarnya berkali-kali, serta memberi wangnya kepada orang-orang yang tidak dikenali. Apabila dia sedar tentang apa yang telah dia lakukan, dia menjadi marah dengan dirinya sendiri.

Ahli keluarganya mendapati bahawa keupayaan mental Danielle lebih baik di waktu pagi dibandingkan dengan waktu-waktu lain.

Pagi adalah waktu yang terbaik untuk berbual dengan keluarga Danielle agar pihak banknya mengurangkan had pengeluaran wangnya supaya dia tidak mempunyai wang tunai yang banyak untuk dibelanjakan berulang-ulang sewaktu ketidakupayaan mentalnya.

BAHAGIAN F







DAFTAR SEMAK UNTUK PEMBERI JAGAAN




FI. DAFTAR SEMAK

Individu yang menjaga atau merawat perlu menggunakan daftar semak di bawah ini. Semua profesional perlu menyimpan rekod tentang langkah-langkah yang diambil apabila menggunakan daftar semak ini. Ia adalah satu amalan yang baik dan amat berguna jika terdapat pertelingkahan.

Tahap 1 - Dengan mengambil kira prinsip berkanun	Gunakan
1. Apabila berurusan dengan sesiapa, dia mesti dianggap mempunyai keupayaan mental kecuali ini terbukti sebaliknya.	
2. Seseorang itu tidak boleh diperlakukan seolah-olah dia tidak boleh membuat keputusan melainkan semua langkah yang perlu telah diambil untuk membantunya.	
3. Seseorang itu tidak boleh diperlakukan sebagai kurang keupayaan mentalnya hanya kerana dia membuat keputusan yang tidak bijak.	
4. Sebarang tindakan atau keputusan yang diambil bagi pihak orang yang kurang keupayaan itu mestilah diambil demi kepentingan orang tersebut.	
5. Sebelum sesuatu tindakan atau keputusan diambil bagi pihak orang yang kurang keupayaan ia perlu dipertimbangkan sama ada terdapat pilihan lain yang lebih berkesan untuk mencapai matlamat bagi tindakan atau keputusan yang dibuat itu tanpa menyekat hak dan kebebasan orang tersebut.	

Tahap 2 - Kepentingan yang terbaik tidak harus berdasarkan pada faktor-faktor tertentu.		Gunakan
Pihak yang membuat keputusan tidak boleh menentukan kepentingan apakah yang ada untuk orang lain ataupun menilai keupayaannya berdasarkan hanya pada: <ul style="list-style-type: none"> • umur, • penampilan, • keadaan, dan • aspek tingkah laku. 		
Tahap 3 - Menilai keupayaan		Gunakan
Pihak yang membuat keputusan perlu menilai keupayaan seseorang itu dengan menggunakan ujian 2 tahap.		
Tahap 4 - Melibat & menggalakan penyertaan		Gunakan
Pihak yang membuat keputusan perlu sedaya upaya mengizinkan dan menggalakkan orang yang berkenaan agar ikut serta atau memperbaiki kemampuannya untuk menyertai sepenuhnya dalam apa juga tindakan yang dilakukan untuknya atau apa-apa keputusan yang menjejaskannya.		
Tahap 5 - Gunakan daftar semak tentang kepentingan diri	Tahap penggunaan	Gunakan
1. Sama ada orang tersebut berkemungkinan akan pulih keupayaannya di masa hadapan agar dia dapat membuat keputusan dan bilakah ianya mungkin berlaku.	Mesti dipertimbangkan.	
2. Perasaan dan permintaan masa lalu dan masa kini orang tersebut, terutamanya jika semua ini ada dicatatkannya sewaktu dia mempunyai keupayaan.	Dipertimbangkan selagi munsabah untuk ditentukan.	

Tahap 5 - Gunakan daftar semak tentang kepentingan diri	Tahap penggunaan	Gunakan
3. Kepercayaan dan nilai-nilai yang boleh menjejaskan keputusan seseorang itu jika dia mempunyai keupayaan; contohnya latar belakang budaya, kepercayaan beragama dan tingkah laku atau amalan-amalan masa lalu.	Dipertimbangkan selagi munasabah untuk ditentukan.	
4. Seseorang itu mungkin boleh mempertimbangkan faktor-faktor lain, jika ia mempunyai keupayaan untuk berbuat demikian.	Dipertimbangkan selagi munasabah untuk ditentukan.	
5. Pendapat sesiapa saja yang dinamakan oleh orang tersebut sebagai orang yang boleh dirujuk tentang perkara yang dipersoalkan atau perkara-perkara yang sama dengannya.	Berunding, jika ianya boleh dilaksanakan dan sesuai.	
6. Pendapat sesiapa saja yang terlibat dalam penjagaan orang tersebut atau berminat tentang kebajikannya.	Berunding, jika ianya boleh dilaksanakan dan sesuai.	
7. Pendapat daripada mana-mana penerima kuasa untuk Surat Kuasa Berkekalan (Lasting Power of Attorney, LPA) yang dilantik oleh orang tersebut.	Berunding, jika ianya boleh dilaksanakan dan sesuai.	
8. Pendapat daripada mana-mana timbalan yang dilantik oleh mahkamah.	Berunding, jika ianya boleh dilaksanakan dan sesuai.	

Tahap 6 - Pertimbangan khas – Rawatan untuk mengekalkan hayat	Gunakan
Keputusan tentang rawatan untuk mengekalkan hayat, tidak boleh dibuat oleh sesiapa saja melainkan seorang doktor dan doktor ini tidak boleh terdorong dengan hasrat untuk menamatkan hayat orang tersebut.	
Tahap 7 - Pertimbangan khas – Tindakan penjagaan atau rawatan	Gunakan
Untuk tindakan penjagaan atau rawatan, individu berkenaan mesti memenuhi syarat-syarat berikut bagi mendapatkan perlindungan di bawah Seksyen 7 Akta Keupayaan Mental tersebut: <ul style="list-style-type: none"> • Mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan sama ada orang tersebut kurang keupayaannya tentang perkara yang dipersoalkan sebelum melakukan tindakan ini, dan • Mempercayai secara munasabah bahawa orang tersebut kurang keupayaannya dan tindakan yang diambil adalah untuk kepentingan orang tersebut. 	
Tahap 8 - Pertimbangan khas – Menahan (Tindakan penjagaan atau rawatan)	Gunakan
Apabila tindakan menahan dipertimbangkan bagi tujuan tindakan penjagaan atau rawatan, selain perkara-perkara yang disebutkan di Tahap 7, individu berkenaan mesti: <ul style="list-style-type: none"> • Mempercayai secara munasabah bahawa tindakan menahan itu adalah perlu untuk mencegah orang tersebut daripada mendatangkan mudarat, dan • Memastikan bahawa tindakan menahan itu sesuai (seimbang) dengan kesan kemudaratan yang dialami oleh orang tersebut. 	

F2. PELAN PENJAGAAN

Pelan penjagaan ialah sesuatu dokumen yang menjelaskan secara terperinci tentang cara menguruskan penjagaan seseorang yang kurang keupayaan dan boleh disediakan oleh:

- sekumpulan profesional pelbagai disiplin (para individu dengan pelbagai kemahiran, contohnya, pakar psikiatri, pakar fisioterapi dan pakar penjagaan orang-orang tua (geriatrician);
- penerima kuasa bagi Surat Kuasa Berkekalan (LPA) untuk kebajikan diri (jika orang tersebut telah melantiknya); dan
- saudara-mara orang berkenaan.

Semua plan penjagaan ini mesti mengandungi penilaian tentang keupayaan mental seseorang itu untuk memberi izin terhadap tindakan penjagaan dan rawatan seperti yang diusulkan dalam plan tersebut. Ia juga perlu mengandungi risiko penilaian dan menyebut tentang langkah-langkah sesuai yang dikehendaki agar risiko-risiko yang mungkin ada itu dapat dikurangkan atau dicegah.

Pengurusan penjagaan ini mesti dibuat demi kepentingan diri orang berkenaan. Bila plan penjagaan yang sesuai telah dilakarkan, para kakitangan kesihatan dan penjagaan sosial boleh bertugas dengan sewajarnya. Walau bagaimanapun, mereka masih perlu berusaha sepenuhnya untuk berkomunikasi dengan orang berkenaan bagi memastikan sama ada keupayaannya masih kurang dan juga untuk menentukan sama ada tindakan itu masih lagi untuk kepentingan diri orang tersebut. Pemeriksaan yang kerap ke atas keupayaan orang tersebut agar dapat membuat keputusan tertentu perlu dilakukan kerana keadaan orang yang kurang keupayaan boleh berubah, lalu memberi kesan terhadap keupayaan dan penilaian terbaik terhadap kepentingan dirinya. Plan penjagaan ini perlu kerap disemak.



BAHAGIAN G

DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT?

Ada kalanya para pemberi jagaan (termasuk para timbalan) mungkin berlainan pendapat tentang hal-hal seperti penjagaan atau rawatan untuk seseorang itu, atau bagaimana hal-hal kewangan harus ditangani. Sebahagian besar daripada pertikaian ini hendaklah diselesaikan secara damai melalui kaedah-kaedah lain, seperti perbincangan kes, pengantaraan atau prosedur-prosedur aduan rasmi. Kaedah-kaedah alternatif ini menjimatkan kos dan mungkin dapat menyelesaikan pertikaian itu secara adil dan cepat, berbanding dengan membawanya ke mahkamah.

Berikut adalah senarai pertubuhan-pertubuhan yang mungkin dapat membantu menyelesaikan sesuatu pertikaian.

Organisasi	Telefon	Alamat	Laman Web
Pejabat Pesuruhjaya Penyaraan Ibu Bapa	1800 222 0000	8 Lengkok Bahru #02-01, Family Link @ Lengkok Bahru Singapura 159052	www.maintenanceofparents.gov.sg
Pusat Pengantaraan Masyarakat	6325 1600	100 High Street #03-02, The Treasury Singapura 179434	www.cmc.gov.sg
Persatuan Pekerja Sosial Singapura	6778 7922	Blk 324 Clementi Avenue 5 #01-209 Singapura 120324	www.sasw.org.sg
Majlis Pakar Gigi Singapura	6355 2405	16 College Road #01-01, College of Medicine Building Singapura 169854	www.sdc.gov.sg

Organisasi	Telefon	Alamat	Laman Web
Persatuan Pakar Gigi Singapura	6220 2588	2 College Road Level 2, Alumni Association Singapura 169850	www.sda.org.sg
Persatuan Perubatan Singapura	6223 1264	2 College Road Level 2, Alumni Medical Centre Singapura 169850	www.sma.org.sg
Pusat Pengantaraan Singapura	6332 4366	1 Supreme Court Lane Level 4 Singapura 178879	www.mediation.com.sg
Majlis Perubatan Singapura	6372 3093	16 College Road #01-01, College of Medicine Building Singapura 169854	www.smc.gov.sg
Lembaga Kejururawatan Singapura	6478 5400	16 College Road #01-01, College of Medicine Building Singapura 169854	www.snb.gov.sg
Biro Bantuan Guaman	1800 325 1424	45 Maxwell Road #08-12, URA Centre East Wing Singapura 069118	www.lab.gov.sg
Majlis Peguam Singapura	6538 2500	39 South Bridge Road Singapura 058673	www.lawsociety.org.sg

GLOSARI

Tindakan yang berkaitan dengan jagaan dan rawatan

Merupakan tugas-tugas yang dijalankan oleh pemberi jagaan (dibayar atau tidak dibayar), kakitangan jagaan kesihatan dan ahli keluarga yang melibatkan jagaan diri, jagaan kesihatan atau rawatan perubatan bagi orang yang kurang keupayaan untuk memberi izin ke atas tindakan-tindakan tersebut.

Kepentingan terbaik

Para pembuat keputusan berkewajipan untuk menimbangankan banyak faktor yang memberi tumpuan kepada apa yang terbaik untuk orang kurang keupayaan sebelum membuat sesuatu keputusan bagi pihaknya. Untuk maklumat lanjut, rujuk Bab 6 di dalam Kod Amalan.

Tataamalan

Tataamalan menyokong Akta Keupayaan Mental (Akta) dan memberikan penjelasan lanjut tentang cara Akta ini harus diamalkan.

Pembuat keputusan

Pembuat keputusan ialah individu atau orang yang membuat keputusan bagi pihak mereka yang kurang keupayaan. Mereka termasuklah para pemberi jagaan, jururawat, doktor, penerima kuasa Surat Kuasa Berkekalan (LPA) dan para timbalan yang dilantik oleh mahkamah.

Timbalan

Seseorang timbalan dilantik oleh mahkamah untuk membuat keputusan-keputusan tertentu bagi pihak orang yang kurang keupayaan mental jika beliau belum membuat Surat Kuasa Berkekalan (LPA) atau tiada penerima kuasa untuk membuat keputusan-keputusan tersebut bagi pihaknya. Seseorang individu atau sebuah syarikat amanah berlesen untuk hartanah dan hal ehwal di bawah Akta Syarikat Amanah atau Trust Companies Act (Bab 336) seperti yang ditetapkan oleh Peraturan Keupayaan Mental boleh dilantik sebagai timbalan.

Pemberi Kuasa

Orang yang sekurang-kurangnya berumur 21 tahun, dan yang membuat sebuah Surat Kuasa Berkekalan (LPA) dengan melantik penerima kuasa untuk menjaga kebajikan peribadinya dan/atau hal-hal harta benda & urusan jikalau beliau hilang keupayaan mentalnya suatu hari nanti.

Penerima kuasa

Penerima kuasa dilantik oleh pemberi kuasa untuk membuat keputusan dan bertindak tentang kebajikan diri dan/atau harta benda & urusan hal-hal mereka apabila pemberi kuasa kurang keupayaan mental untuk mengurus urusan mereka sendiri.

Keupayaan berubah-ubah

Keupayaan seseorang itu berubah-ubah apabila keupayaannya berubah dari semasa ke semasa, contohnya, bila keadaannya berubah daripada baik menjadi buruk dan daripada buruk menjadi baik. Ianya berubah-ubah. Orang-orang yang berada di tahap awal dementia atau skizofrenia boleh mengalami keupayaan yang berubah-ubah.

Penilaian formal (untuk keupayaan mental)

Seorang pengamal perubatan ataupun pakar-pakar dalam kesihatan mental, seperti pakar psikiatrik, akan membuat penilaian formal tentang keupayaan mental. Seorang profesional seperti akauntan atau penerima kuasa bagi Surat Kuasa Berkekalan (LPA) boleh mendapatkan penilaian formal ini jika mereka meragui keupayaan orang tersebut dan keputusan yang akan dibuat adalah penting baginya ataupun menjangka akan timbulnya pertikaian tentang keputusan itu.

Penganiayaan

Penganiayaan di bawah Akta adalah penderaan ke atas orang yang berumur sekurang-kurangnya 16 tahun dan kurang keupayaan atau pesalah percaya secara munasabah bahawa yang didera itu kurang keupayaannya. Penganiayaan termasuk penderaan fizikal, penderaan seks, penderaan psikologi, pengabaian dan tidak melakukan sesuatu.

Surat Kuasa Berkekalan (Lasting Power of Attorney, LPA)

ia adalah dokumen sah yang membenarkan pemberi kuasa melantik secara sukarela seseorang, iaitu satu atau lebih penerima kuasa dan memberikannya kuasa atau hak mengambil tindakan atau membuat keputusan bagi pihak pemberi kuasa jika pemberi kuasa hilang keupayaan untuk membuat keputusannya sendiri.

Rawatan mengekalkan hayat

Rawatan mengekalkan hayat ialah rawatan pada pandangan seseorang individu sebagai perlu untuk mengekalkan hayat orang yang berkenaan.

Keupayaan mental

Keupayaan mental ialah kemampuan seseorang untuk membuat sesuatu keputusan tertentu pada waktu yang tertentu.

Pejabat Penjaga Awam

Pejabat Penjaga Awam mempunyai tanggungjawab yang luas dalam rangka kerja Akta Keupayaan Mental. Ini termasuk menyimpan daftar Surat Kuasa Berkekalan (LPA), menyelia para timbalan dan menyiasat dakwaan-dakwaan tentang penganiayaan.

Ketidakupayaan selamanya

Seseorang itu mengalami ketidakupayaan selamanya apabila ketidakupayaannya berpanjangan. Contohnya termasuk orang-orang yang mengalami hilang keupayaan bergerak selamanya atau sindrom memencilkan diri.

Penerima kuasa kebajikan diri

Seseorang penerima kuasa kebajikan diri adalah individu yang dilantik di bawah Surat Kuasa Berkekalan (LPA) oleh pemberi kuasa untuk membuat keputusan demi kebajikan diri bagi pihak pemberi kuasa yang kurang keupayaan untuk membuat keputusannya sendiri. Keputusan kebajikan diri adalah keputusan berkaitan dengan gaya hidup seperti: di mana pemberi kuasa harus tinggal dan siapa yang boleh atau tidak boleh menghubungi pemberi kuasa tadi.

Penerima kuasa untuk harta benda & urusan

Seseorang penerima kuasa untuk harta benda dan urusan adalah individu atau syarikat pemegang amanah berlesen di bawah Akta Amanah Syarikat (Bab 336) seperti yang ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan Keupayaan Mental yang dilantik di bawah Surat Kuasa Berkekalan (LPA) oleh pemberi kuasa agar membuat keputusan yang berkaitan dengan harta benda dan urusan apabila pemberi kuasanya kurang keupayaan untuk membuatnya sendiri.

Menahan/Sekatan

Penahanan adalah penggunaan atau ugutan untuk menggunakan, paksaan oleh seorang individu untuk mendapatkan persetujuan bagi melakukan sesuatu tindakan, yang ditentang oleh orang tersebut, atau menyekat kebebasan orang itu untuk bergerak, sama ada orang tersebut menentang atau tidak. Pergerakan seseorang itu boleh disekat tanpa menggunakan paksaan secara fizikal atau mengugut untuk gunakan paksaan secara fizikal.

Prinsip-prinsip berkanun

Terdapat lima prinsip berkanun di bawah Akta Keupayaan Mental yang setiap orang perlu patuhi apabila berurusan dengan mereka yang kurang atau mungkin kurang keupayaan mental.

Keputusan kurang bijak

Ini merujuk kepada salah satu daripada prinsip-prinsip berkanun. Seseorang yang punya keupayaan mental berhak untuk membuat keputusan kurang bijak pada pandangan orang lain. Tidak bermakna seseorang itu telah hilang keupayaan mentalnya hanya kerana keputusan yang dibuat kurang bijak.

PEJABAT PENJAGA AWAM

Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga
20 Lengkok Bahru
#04-02, Family@Enabling Village
Singapore 159053

Hotline: 1800 226 6222

Emel: enquiry@publicguardian.gov.sg

Laman Web: www.publicguardian.gov.sg

Printed October 2016

OFFICE OF THE
**PUBLIC
GUARDIAN**

